

19 NOV 1998

LEAD Razaleigh-Jawatan

TENGGU RAZALEIGH: TERPULANGLAH KEPADA UMNO

KOTA BAHARU, 19 Nov (Bernama) -- Tengku Razaleigh Hamzah hari ini berkata beliau bersedia memberi pertimbangan untuk bertanding jawatan Timbalan Presiden pada pemilihan Umno akan datang sekiranya mendapat sokongan daripada anggota dan kepimpinan parti.

Bagaimanapun setakat ini, katanya, beliau belum ada rancangan untuk merebut jawatan itu.

Jawatan Timbalan Presiden Umno kini kosong berikutan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada parti itu pada 3 September lepas atas tuduhan salahlaku seks.

"Saya belum fikir, ikhlas saya cakap, terpulanglah kepada Umno. Kalau Umno fikir saya boleh digunakan lagi, kita pertimbangkanlah," katanya kepada pemberita ketika ditemui di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di sini setibanya dari Kuala Lumpur.

Tengku Razaleigh, yang menyertai semula Umno pada 1996 setelah membubarkan Parti Semangat 46 yang dipimpinya, diminta mengulas laporan media yang menyebut beliau sebagai di antara calon bagi merebut jawatan Timbalan Presiden Umno pada pemilihan tahun depan.

Ditanya mengenai kemungkinan bahagian Umno Kelantan akan mencalonkan namanya bagi merebut jawatan itu, beliau berkata: "Tak tahulah, sebab saya tiada rancangan tetapi kalau ada gerakan dari Umno sendiri...kita tengoklah."

Bekas Menteri Kewangan itu bagaimanapun menyatakan kesediaan beliau untuk menyumbang tenaga bagi membantu dalam bidang politik dan ekonomi negara walaupun tidak mempunyai jawatan.

Ditanya mengenai cadangan Pas supaya Umno Kelantan mencalonkan beliau bagi jawatan Timbalan Presiden Umno, Tengku Razaleigh berkata sebenarnya Pas "takut" kepada Umno dan membuat cadangan sedemikian dengan tujuan supaya "Umno tidak memihak kepada orang yang ditonjolkan oleh Pas."

Setiausaha Perhubungan Pas Kelantan Wan Abdul Rahim Wan Abdullah pada 13 Okt lepas menyarankan kepada bahagian Umno di Kelantan supaya mencalonkan Tengku Razaleigh bagi merebut jawatan itu supaya bakal Perdana Menteri nanti merupakan orang dari pantai Timur selepas Allahyarhan Tun Abdul Razak.

Ketika ditanya mengenai hubungannya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad -- yang menewaskannya semasa beliau bertanding merebut jawatan Presiden Umno pada pemilihan 1987 -- Tengku Razaleigh berkata hubungan mereka adalah baik.

Selepas tewas pada pemilihan itu Tengku Razaleigh membentuk S46 dan bergabung dengan Pas bagi membentuk kerajaan Kelantan dengan menewaskan Umno pada pilihan raya 1990 dan 1995.

Bagaimanapun pada 1996 Tengku Razaleigh membubarkan S46 dan hampir kesemua pemimpin dan anggotanya kembali menyertai Umno.

"Saya terus menyokong beliau (Dr Mahathir) dan ingin melihat beliau terus memimpin," kata Tengku Razaleigh.

"Sekarang negara menghadapi banyak masalah dan kita patut memberi sokongan kepada beliau. Jangan timbulkan masalah yang boleh membantutkan pemulihan ekonomi. Soal pertandingan dalam parti adalah nombor dua," katanya.

-- BERNAMA

RAR NMO